

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]
TARIKH : 10.6.2014
NO. SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan seperti mana Kementerian telah bersetuju untuk memberikan lebih banyak kuasa ke bawah atau *decentralize* kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, apakah bidang-bidang kuasa yang akan dipindahkan. Apakah langkah-langkah dalam proses ini dan bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai salah satu langkah untuk mentransformasi sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah dan Sarawak akan diwakili kuasa untuk melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal, perolehan perkhidmatan serta kerja-kerja penyelenggaraan yang bernilai RM5 juta dan ke bawah. Penurunan Kuasa RM5 juta kepada Pengarah JPN Sabah sudah diluluskan melalui surat bertarikh 09 April 2014.

Pengarah JPN Sabah diberi kuasa bertindak sebagai Pegawai Penguasa untuk melaksana dan menguruskan projek-projek pembangunan infrastruktur dan perolehan perkhidmatan yang bernilai RM5 juta dan ke bawah. Sebagai Pegawai Penguasa, Pengarah JPN Sabah bertanggungjawab untuk merunding,

melaksana, mengurus dan memantau projek. Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang bernilai lebih RM5 juta, Pengarah JPN Sabah akan bertindak sebagai wakil Penguasa Projek yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan ke semua projek-projek Kementerian di Sabah.

KPM juga sedang mengemaskini hal ehwal perjawatan bagi mengukuhkan sumber tenaga dan kepakaran di JPN serta perkara-perkara yang berkaitan bagi melancarkan pelaksanaan dasar ini.

Rjm25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 10 JUN 2014 (Selasa)

SOALAN : 55

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memulihkan imej dan mutu perkhidmatan MAS selepas kehilangan pesawat MH370 dan masalah-masalah yang lain seperti gangguan penerbangan yang diakibatkan oleh kerosakan enjin pesawat yang kerap berlaku sejak kebelakangan ini.

Jawapan:

Berikutan insiden MH370, keutamaan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) pada masa ini adalah pemulihan dan kesinambungan perniagaan. Malaysia Airlines telah mengurangkan aktiviti pemasarannya selama 2 bulan untuk menghormati keluarga waris penumpang dan anak kapal di atas kapal. Kini, hamper selepas 3 bulan, terdapat keperluan segera bagi MAS untuk meningkatkan usaha untuk melihat semula struktur operasi keseluruhan dan hala tuju perniagaan untuk membina semula keyakinan dan kepercayaan terhadap MAS.

Semua saluran jualan sedang diaktif semula untuk semua pasaran, termasuk Negara China. Kempen pemasaran di seluruh dunia sedang dipercepatkan untuk menebus kehilangan jualan dan untuk merapatkan jurang dengan sasaran jualan bagi tahun ini. Satu kempen pelancongan baru-baru ini telah diadakan pada Mei 2014 dan ia telah menyaksikan sambutan yang memberansangkan.

Selain daripada itu, kerjasama bersama syarikat-syarikat penerbangan lain dibawah kerjasama *oneworld* telah diperkuatkan lagi untuk meluaskan rangkaian laluan penerbangan dan mengukuhkan jenama MAS. Langkah-langkah pengurusan kos juga telah dijalankan secara menyeluruh. Fokus syarikat utama syarikat MAS pada masa ini adalah untuk meningkatkan produktiviti, pengantian pesawat, kecekapan yang lebih baik dan merancang kapasiti mengikut keperluan pasaran semasa.

Sementara langkah pemulihan perniagaan dijalankan, pihak MAS menekankan komitmennya untuk kekal berdayasaing, memberikan kualiti produk dan perkhidmatan yang terbaik dimana keselamatan sentiasa menjadi keutamaan.

Selepas kejadian MH370, pihak media telah member perhatian terhadap operasi MAS, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan operasi dan teknikal. Isu-isu operasi dan teknikal tersebut merupakan perkara biasa yang dialami oleh semua syarikat penerbangan dan adalah ditangani dengan SOP yang ketat. Ini adalah untuk memastikan keutamaan diberikan kepada pematuhan tahap keselamatan pada setiap masa. Tambahan pula, penyelenggaraan pesawat MAS juga sentiasa mematuhi piawaian DCA dan pihak pengeluar pesawat.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG]
TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)
SOALAN : Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk menambah baik bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan seperti daging lembu sehingga kita masih bergantung kepada negara luar, sedangkan Malaysia buminya luas dan subur.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merangka dan melaksanakan strategi bagi memastikan Negara tidak bergantung pada bekalan makanan dari luar negara. Sebagai langkah segera untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan daging, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mengadakan perbincangan dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) pada 23 Januari 2014 bagi menggalakkan penglibatan aktif yang berterusan oleh GLC perladangan dalam aktiviti penternakan ruminan melalui konsep integrasi tanaman-ternakan. Agensi-agensi ini mempunyai keluasan tanah yang sesuai untuk aktiviti tersebut;
- (ii) mengambil langkah kawalan terhadap penyembelihan induk lembu/ kerbau supaya ternakan yang masih produktif dielakkan dari disembelih agar bilangan populasi ternakan dapat dipertingkatkan;
- (iii) melengkapkan pengisian 61 ladang satelit dan memastikan kesemua peserta yang dipilih melaksanakan aktiviti penternakan lembu fidlot; dan
- (iv) penyediaan dana khas untuk tujuan pinjaman oleh golongan penternak daripada Agrobank dan TEKUN dengan mempermudah syarat-syarat

pinjaman kepada mereka yang memerlukan modal untuk menjalankan aktiviti penternakan.

MOA turut merangka beberapa langkah jangka sederhana dan panjang untuk memastikan bekalan daging dalam negara dapat dibekalkan mencukupi secara berterusan dengan:

- (i) memperkukuhkan sistem pengeluaran lembu tempatan melalui:
 - (a) pewujudan kawasan kekal pengeluaran ruminan;
 - (b) menggalakkan lebih ramai usahawan terlibat dalam aktiviti penternakan ruminan; dan
 - (c) pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan.
- (ii) mempergiatkan dan mempertingkatkan program pembangunan pembiakbakaan ternakan ruminan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) baka ternakan secara berterusan bagi menghasilkan baka-baka ternakan ruminan yang berkualiti dan tahan penyakit;
- (iii) memperkasa kawasan integrasi sedia ada sebagai kawasan pengeluaran lembu yang produktif dan mapan;
- (iv) menggalakkan penternak melaksanakan Amalan Penternakan Baik supaya:
 - (a) ternakan dan hasilan keluaran ladang selamat, berkualiti, bebas daripada penyakit haiwan dan menjamin kepentingan dan kesihatan pengguna;
 - (b) ternakan serta keluaran hasil ladang mempunyai peluang dayasaing yang lebih tinggi dari segi pemasaran; dan
 - (c) berupaya mengawal pencemaran persekitaran serta menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat.